

Peranan Penulis Guru Membina Minda Bangsa



Kamus Dewan memberikan maksud guru ialah orang yang mengajar atau pendidik. Guru merupakan pendidik formal di sekolah yang memberikan ilmu dan pengetahuan kepada pelajar. Menurut Atan Long (Profesor), pada diri pendidik tertanam sifat mendidik dari segi ilmu, sikap, dan tingkah laku. Pendidik menjadi contoh dan ikutan anak didiknya.

Tanggungjawab pendidikan bermatlamat untuk membentuk sikap, pemikiran, nilai, pendirian, dan perlakuan manusia terhadap kebaikan. Dalam maksud yang lebih luas, Atan Long menegaskan bahawa "guru membawa pandangan baharu yang boleh membawa kepada perubahan dan kemajuan, atau lebih jelasnya guru menjadi ejen pembaharuan". Dalam konteks pendidikan, perubahan itu merujuk pembangunan manusia seperti dalam Falsafah Pendidikan Negara, dan khususnya berfokuskan pembangunan intelek atau minda.

Pelita Bahasa.
(Mei 2018).

Education - Teacher.
Pg. 19-22.

Control No: A 000275495

File Name: MA/education/2018/Edu 2018 A08-pels

Tugas guru atau pendidik seharusnya menjadi keutamaan guru dan tidak wajar dilakukan secara sampingan. Menjadi penulis guru merupakan nilai tambah sebagai pendidik. Hal ini dikatakan demikian kerana menulis juga menyampaikan ilmu dan sebahagian daripada tugas mendidik. Minda guru menjadi lebih tajam dengan membaca dan menulis. Sebilangan guru menyahut cabaran ini dengan menjadi penulis guru sebagai fardu kifayah dalam pendidikan.

Guru memang berpotensi untuk menjadi penulis. Mereka memiliki kepakaran dalam bidang mata pelajaran yang diajarkan. Mereka menjadi rujukan murid untuk mengetahui, memahami, dan menghayati disiplin ilmu yang dipelajari. Oleh itu, menulis merupakan anjakan nilai guru yang boleh dirujuk oleh murid, malah masyarakat awam. Guru mempunyai asas untuk menjadi penulis dan hanya memerlukan sedikit pengorbanan, kekuatan dan ketahanan.

Penulis guru lebih sinonim dengan penulisan karya kreatif seperti novel, cerpen, dan puisi. Rajie Hadi memperkatakan penulis guru lebih banyak merujuk guru dalam penulisan kreatif. Kebiasaan penulis guru bermula dengan penulisan kreatif. Atan Long bermula dengan menulis cerita kanak-kanak dan novel. Novel *Suboh* karya Atan Long diterbitkan pada tahun 1964. Beliau menulis buku ilmiah dan buku rujukan guru, seperti *Psikologi Pendidikan* (1978) dan *Pedagogi Kaedah Am Mengajar* (1980). Pak Matlob menulis karya kreatif sebelum dikenali sebagai pejuang tulisan Jawi. Ami Masra @ Aminudin Mansor juga, pada peringkat awal menulis puisi dan belakangan ini banyak menulis tentang pendidikan dan motivasi bahasa.

Konsep penulis guru seharusnya diperluas bukan sahaja penulisan kreatif, malah penulisan bidang lain, seperti rencana, esei, modul dan motivasi dalam bentuk buku teks, buku ulang kaji, buku kerja, kitab dan media baharu. Penulisan melalui medium tersebut turut mencambahkan ilmu dan membangunkan minda manusia.

Guru mempunyai pengetahuan tentang banyak perkara. Guru banyak membaca buku berkaitan dengan bidangnya secara mendalam. Guru mata pelajaran, seperti Sejarah, Sains, Matematik dan Perdagangan, tentu mempunyai pengetahuan mendalam dan berpengalaman dalam bidangnya. Oleh itu, mereka berpotensi untuk menyampaikan pengetahuan itu kepada pelajar dan orang ramai melalui penulisan. Guru berwibawa untuk menyediakan bahan pengajaran, buku rujukan serta buku teks untuk kegunaan pendidikan di negara ini.

Kanak-kanak yang datang ke sekolah ibarat rebung, dan gurulah yang akan melenturkan dan menentukan

hala tujuhnya. Mereka memiliki budaya dan pemikiran yang berbeza. Gurulah yang akan mencorakkan pemikirannya selaras dengan acuan negara agar mereka dapat menjadi warganegara yang menyumbang ke arah pembangunan.

Semasa zaman penjajah, British menekankan soal pendidikan, khususnya persekolahan Melayu agar penguasaan mereka bertambah kukuh. Maktab Perguruan Melayu di Melaka ditubuhkan pada tahun 1900 menjadi asas perkembangan pelajaran Melayu. Diikuti dengan penubuhan Maktab Perguruan di Matang, Perak pada tahun 1913. Akhirnya, Maktab Perguruan Sultan Idris didirikan pada tahun 1922 menggantikan kedua-dua maktab sebelumnya untuk melahirkan guru dan penulis guru. Di maktab inilah lahirnya guru Melayu yang aktif dalam penulisan selepas tertubuhnya Jabatan Karang Mengarang dan Terjemahan pada tahun 1924, hingga suatu peringkat, penulis guru menguasai 80 peratus penulisan novel dan selebihnya penulis wartawan.

Usaha melahirkan penulis guru pada peringkat awal ini untuk memenuhi keperluan bahan bacaan di sekolah di samping membangunkan minda masyarakat daripada belenggu kepercayaan karut-marut dan adat yang mengongkong cara hidup moden. Novel Melayu pertama yang memenuhi tema ini ialah karya Ahmad Talu berjudul *Kawan Benar* (1927). Perkembangan ini diikuti oleh penulis guru lain, seperti Abdullah Sidek, Ahmad Bakhtiar, Ahmad Murad Nasharudin, Harun Mohamad Amin, dan beberapa orang lagi.

Menurut Dr. Amirudin Mansor, pelopor penulis guru ialah Za'ba. Za'ba menulis *Canai Bacaan* pada tahun 1924. Penulisannya yang paling berharga dan menjadi rujukan hingga kini ialah *Pelita Bahasa Melayu I, II, dan III* tentang nahu Melayu dan cara karang-mengarang. Beliau banyak menulis buku termasuk buku *Asuhan Budi* yang mendapat sambutan penerbit dan masyarakat. Beliau mendapat gelaran "Pendeta" pada tahun 1956, dan mendapat gelaran Doktor Kehormat pada tahun 1959, dianggap sebagai pendidik yang mementingkan kemurnian rohani masyarakat. Hasil usaha dan penulisannya dapat meningkatkan kesedaran minda masyarakat terhadap cinta akan ilmu.

Pada peringkat awal negara merdeka, guru merupakan golongan yang terpelajar dalam masyarakat. Mereka menjadi rujukan masyarakat. Maktab perguruan lebih banyak didirikan, bukan sahaja memenuhi keperluan jawatan guru pada masa itu, malah melahirkan jumlah penulis guru yang lebih banyak.

Antara penulis guru pascamerdeka yang menghasilkan novel ialah Atan Long. Novel *Suboh* karya Atan Long menggunakan latar masyarakat

selepas negara mencapai kemerdekaan. Dalam novel ini, pemikiran masyarakat masih lagi selesa dengan pemerintahan penjajah yang menyediakan segala keperluan untuk mereka. Masyarakat Melayu seolah-olah tidak menghargai kemerdekaan kerana terpaksa bekerja sendiri untuk menyediakan keperluan hidup. Di sinilah peranan Atan Long membuka minda masyarakat agar mengubah cara hidup melalui novel *Suboh*.

Atan Long memberikan konsep merdeka dalam novel ini seperti burung yang bebas dari sangkar. Jika dahulu burung terikat dan segala makan minum disediakan, kini bebas lepas untuk mencari makan sendiri. Memahami konsep ini, watak dalam novel ini menjadi rasional dan meneruskan hidup mereka dengan melakukan perubahan. Perubahan ini menimbulkan konflik dan perpecahan kepada keluarga Pa' Sudin khususnya.

Penghijrahan Pa' Sudin dan rakan membuka kawasan pertanian baharu yang membangunkan pemikiran masyarakat Melayu agar melakukan perubahan. Dia sanggup berkorban meninggalkan keluarganya di kampung. Pada peringkat awal, Pa' Sudin membawa anaknya, Tumin. Tumin ingin menjadi tentera, tetapi tidak diizinkan keluarga. Apabila kebun sudah menjadi perkampungan, Pa' Sudin membawa isteri dan anak perempuannya, Jamilah ke tempat tersebut. Di sini pengarang mengajak pembaca untuk berfikir bahawa untuk memulakan hidup merdeka dan berdikari memerlukan pengorbanan.

Pak Dolah pula, tidak mahu turut serta Pa' Sudin berpindah. Pada mulanya Pak Dolah memperkecilkan saranan Basir, seorang pegawai pertanian muda yang menyarankan supaya menanam semula pokok getah tua. Bagi Pak Dolah, jika pokok getah ditebang, dari mana dia akan menyara keluarga? Cadangan Basir supaya menanam semula separuh daripada kebunnya, di samping menanam tanaman kontan dan memelihara ternakan di tanah yang ditebang dapat membuka minda Pak Dolah. Dia menerima cadangan Basir. Akhirnya, masyarakat sekeliling melawat kebun Pak Dolah dan mencontohi usahanya. Masyarakat memang sukar untuk berubah jika tidak melihat sendiri buktinya. Inilah peranan Atan Long untuk membangunkan minda masyarakat melalui novel *Suboh*.

Watak Yusof, seorang guru muda dari bandar yang ditugaskan ke perkampungan Pa' Sudin di pedalaman turut mewarnai pembangunan di tempat itu. Pembangunan dari segi pendidikan untuk mengubah minda masyarakat menjadi satu syarat untuk kemajuan. Di sinilah peranan guru untuk mengubah pemikiran masyarakat terhadap pelajaran. Yusof akhirnya menjadi ahli keluarga Pa' Sudin apabila berkahwin dengan Jamilah.

Basri anak sulung Pa' Sudin yang berkelulusan sijil pertanian di Serdang, bertugas sebagai pegawai pertanian. Anak muda ini lebih terbuka pemikiran dan pergaulan, berkahwin dengan gadis Cina tanpa restu keluarga. Berlakulah pergolakan rumah tangga, dan tersisih daripada keluarga. Di sini pengarang membawa persoalan perkahwinan Basri atas dasar cinta baru kahwin, berbanding dengan Jamilah yang berkahwin dengan Yusof atas dasar kahwin dulu baru bercinta. Persoalan ini menjadi pemikiran bahawa penyatuan keluarga amat penting dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Pa' Sudin jatuh sakit selepas mengadakan kenduri kahwin anaknya, Jamilah. Seluruh keluarganya berkumpul. Akhirnya, Pa' Sudin meninggal dunia pada waktu subuh yang bersih. Tajuk *Suboh* pada novel ini membawa lambang pengertian sebagai permulaan hidup baharu bagi generasi Pa' Sudin untuk mengisi hari baharu di negara yang merdeka.

Kini, negara mencapai kemerdekaan ke-61, jika dibandingkan dengan masyarakat atau bangsa yang digambarkan dalam novel *Suboh*, penulisan abad ke-20, negara kita sudah memasuki generasi ketiga atau keempat daripada keluarga Pa' Sudin. Kita berada pada abad ke-21, apakah cara pemikiran kita masih belum berubah? Generasi sekarang terdedah dengan pelbagai maklumat melalui kemudahan teknologi terkini. Guru harus mengisi kemudahan ini dengan bahan bacaan yang merangsang minda masyarakat dengan persoalan yang belum selesai seperti persoalan perpaduan bangsa, kemiskinan, pengangguran, patriotisme, jati diri dan berdikari, di samping pemikiran baharu yang lebih mencabar kerana persaingan kita tidak lagi bersifat tempatan tetapi persaingan global.

Penulis guru perlu menggunakan pendekatan baharu yang sesuai dan menarik untuk menyaingi media baharu yang lebih canggih. Selain penulisan bentuk buku, mereka harus meneroka penulisan menggunakan internet dan digital. Generasi hari ini rata-rata sudah berpendidikan, mereka perlu berani menghadapi cabaran semasa.

Guru harus menerangkan keperluan penulisan pendidikan terkini melalui media baharu. Dahulu, pendidikan kita membanteras buta huruf. Bahan bacaan yang diperlukan mudah dan ringan. Kemudian pendidikan bertukar kepada memenuhi tenaga kerja. Pelajar berlumba-lumba untuk mendapat kemahiran dan keputusan cemerlang untuk mendapatkan pekerjaan dan mengubah taraf hidup.

Kini dalam pendidikan pada abad ke-21, pendidikan kita bertambah kompleks. Semenjak Laporan Kabinet tentang pendidikan (1974), sistem pendidikan sentiasa

berubah daripada bentuk Pendidikan Aneka Jurusan, Pendidikan Teknik dan Vokasional, Sekolah Wawasan, Sekolah Bestari dan Kluster, PPSMI dan kini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) dan pendidikan abad ke-21 (PAK21) sedang rancang dilaksanakan dengan pelbagai perkara berbangkit. Hanya guru yang tahu dan faham perkembangan ini. Tugas guru untuk menerangkan perkara ini kepada pelajar dan masyarakat awam melalui penulisan berbentuk karya kreatif atau esei agar dapat dihayati oleh mereka.

Masyarakat sekarang terdedah dengan budaya asing yang boleh melencongkan hala tuju bangsa dan negara seperti fahaman liberal, *Lesbian-Gay-Bisexual-Transgender*, keganasan dan fitnah. Tegasnya, cabaran bangsa bukan sahaja dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan sosial yang digambarkan dalam novel *Suboh*, malah lebih hebat dengan kemajuan teknologi maklumat di hujung jari dan dunia tanpa sempadan. Hal ini jika disampaikan secara langsung akan menimbulkan implikasi, tetapi harus disampaikan secara mesra dan penghayatan seni.

Penulis guru perlu menggunakan pendekatan teknologi baharu dan penyampaian isi yang sederhana dan berat, konvensional dan kontemporari serta mengekalkan nilai murni. Mereka tidak perlu terikut-ikut pendekatan yang merosakkan, seperti penggunaan bahasa rancu dan polos. Nilai keindahan dan kebenaran menjadi teras dalam pendidikan minda yang sihat. Mereka juga seharusnya mengenali pendekatan baharu dan mengubahsuainya untuk dijadikan bahan penulisan agar generasi sekarang tidak terjebak dengan pemikiran tidak bermoral.

Penulis guru pada hari ini berperanan untuk menyuburkan minat membaca dalam kalangan pelajar dan masyarakat terhadap karya yang dapat menjadi makanan minda untuk membangunkan intelek. Peranan ini agak mencabar kerana di tangan pelajar sudah ada pelbagai peranti berbentuk audio dan visual yang lebih menarik berbanding dengan buku. Banyak bahan bacaan sampah belum ditapis dan diedit yang boleh merosakkan minda masyarakat kita.

Penulis guru harus berani mengisi media baharu dengan bahan yang dapat menjernihkan dan membangunkan minda masyarakat supaya lebih rasional dan tidak mudah terpengaruh dengan bentuk penjajahan minda yang begitu kompleks. Banyak penulis guru aktif di Facebook dengan menghidangkan bahan karya kreatif, seperti Nazim Subari dengan gurindam, Tok Mat dengan berbahasa Melayu yang betul, Mohd. Helmi Ahmad dengan hebahan karya sastera terkini serta Dr. Salleh Rahmat dengan hebahan aktiviti sastera

dan buku terkini di pasaran. Laman sesawang milik gu juga semakin bertambah yang menyediakan bahan bacaan tambahan kepada pelajar. Walaupun mereka tidak ramai pengikut, namun usaha mereka wajar dihargai. Kegiatan ini dapat menyambung peranan penulis guru melestarikan budaya bangsa daripada terbercelaru dan hilang identiti kesan taklukan budaya asing.

Penulis guru yang memahami pendidikan seharusnya dapat mencorakkan minda pelajar, masyarakat dan bangsa untuk memenuhi wawasan negara. Bahan penulisan mereka bukan sekadar melahirkan tenaga kerja, malah bangsa yang kreatif, inovatif, dan bermoral untuk membangunkan bangsa dan negara. Penulis guru melalui zaman Masuri SN, Azizi Haji Abdullah, Abdul Talib Mohd Hassan, Jais Sahok, Abu Hasan Morad, dan Lim Swee Tin sama ada dalam bidang penulisan kreatif ataupun bukan kreatif, seperti penulisan motivasi, bibliografi dan keagamaan. Penulis guru generasi baharu seharusnya menyambung kegiatan mereka untuk membina kerohanian bangsa, di samping pembangunan jasmani, emosi, dan intelek dengan pemikiran baharu melalui pelbagai media sebagai bangsa yang bertamadun dan dihormati. Tegasnya, penulis guru berfungsi sebagai pendidik untuk mengubah pandangan, sikap, tingkah laku, tutur kata dan pemikiran bangsa daripada keadaan yang agak ba kepada yang lebih baik.

Dalam usaha untuk memantapkan peranan penulis, guru harus menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam kehidupan harian. Mereka juga seharusnya menulis untuk berkongsi pengetahuan dengan masyarakat.

Guru harus menyertai persatuan penulis untuk bertukar-tukar pendapat dan maklumat tentang penulisan serta mengetahui perkembangan dunia penulisan yang berfungsi terhadap pembangunan pendidikan bangsa. Mereka harus mengaktifkan persatuan penulis di sekolah untuk membimbing pelajar agar cenderung terhadap budaya membaca dan menu

Guru harus sering menyertai seminar, ceramah dan forum untuk mengembangkan ilmu, di samping menajamkan minda dalam penulisan.

Guru harus sedar bahawa kegiatan menulis tidak membuang masa, malah menjadi harta peninggalan ki untuk selama-lamanya. ¹²³

Rencana ini merupakan hasil pembentangan kertas Wacana Warisan Ledang 3, "Peranan Penulis Guru Membina Minda Bangsa" sempena sambutan Bulan Bahasa SMKBG 2018, di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Tangkak, pada 11 Mac 2018.